



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 5 NOVEMBER 2021**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI PERLU BANTUAN UNIVERSITI BUAT KAJIAN, LOKAL, HM-18	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	MAFI PERLU BEKERJASAMA DENGAN UNIVERSITI LAKUKAN KAJIAN BPS, BH-ONLINE	
3.	PESAWAH MADA MASIH DIBELENGGU ISU BENIH PADI, DALAM NEGERI, UM-30	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
4.	CULTIVATING URBAN FARMING FOR LOW-COST FLATS, EVENTS, THE STAR-6	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Mafi perlu bantuan uni ve rsiti buat kajian		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	18	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	128 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,042
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,127



## ISU BENIH PADI LEWAT

# *Mafi perlu bantuan universiti buat kajian*

**Alor Setar:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) perlu bekerjasama dengan universiti tempatan untuk melakukan kajian secara menyeluruh mengenai benih padi sah (BPS) bagi memastikan tidak lagi berlaku kelewatan pengagihan BPS pada musim depan.

Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Othman Aziz berkata, penilaian BPS harus dilakukan lebih awal sebelum tibanya musim menabur benih berikutan kelewatan pengagihan benih akan menyebabkan kesan buruk terhadap rantai industri padi.

"Setiap musim Jabatan Pertanian sudah mengetahui anggaran BPS diperlukan, jadi penyelidikan mengenai benih ini perlu diperluaskan dengan kerjasama bersama universiti tempatan.

"Kajian menyeluruh mengenai benih akan membantu meningkatkan kualiti

benih serta memudahkan benih dihasilkan dalam kuantiti diperlukan dengan lebih cepat.

"Perkara seperti ini perlu diselesaikan secepat mungkin kerana kita negara sudah berpengalaman puluhan tahun dalam tanaman padi," katanya ketika ditemui pada Program Jom Turun Bendang di Kampung Pida 8 Tebengau, Ayer Hitam di sini, semalam.

Sebelum ini, media melaporkan, kelewatan penghantaran BPS kepada lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis berlaku berikutan benih terbabit perlu dihantar ke makmal Jabatan Pertanian bagi proses penilaian.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, pihaknya tidak boleh terus menghantar benih padi dikeluarkan pembekal tanpa melalui ujian bagi memastikan kualitinya sebelum pengesahan dapat dibuat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/11/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	-

## MAFI PERLU BEKERJASAMA DENGAN UNIVERSITI LAKUKAN KAJIAN BPS



Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Othman Aziz, melepaskan ikan haruan ke dalam sawah sempena Program Jom Turun Bendang di Kampung Pida 8 Tebengau, Ayer Hitam, Kubang Pasu, hari ini. NSTP/Noorazura Abdul Rahman

**ALOR SETAR:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan perlu bekerjasama dengan universiti tempatan untuk melakukan kajian secara menyeluruh mengenai benih padi sah (BPS) bagi memastikan tidak lagi berlaku kelewatan pengagihan BPS, pada musim depan.

Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Othman Aziz, berkata penilaian BPS harus dilakukan sebelum tiba musim menabur benih berikutan kelewatan pengagihan benih akan memberi kesan buruk terhadap rantai industri padi.

Pada setiap musim, katanya, Jabatan Pertanian sudah mengetahui anggaran BPS yang diperlukan, justeru, penyelidikan mengenai benih ini perlu diperluaskan dengan kerjasama universiti tempatan.

"Kajian menyeluruh mengenai benih akan membantu meningkatkan kualiti benih serta memudahkan benih dihasilkan dalam kuantiti yang diperlukan dengan lebih cepat pada masa depan."

"Perkara seperti ini perlu diselesaikan secepat mungkin kerana kita adalah negara yang sudah berpengalaman puluhan tahun dalam tanaman padi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Program Jom Turun Bendang di Kampung Pida 8 Tebengau, Ayer Hitam, di sini, hari ini.

Sebelum ini, media melaporkan kelewatan penghantaran BPS kepada lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis berlaku berikutan benih terbabit perlu dihantar ke makmal Jabatan Pertanian bagi proses penilaian.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata pihaknya tidak boleh terus menghantar benih padi yang dikeluarkan pembekal tanpa melalui ujian bagi memastikan kualitinya sebelum pengesahan dapat dibuat.

Othman yang juga bekas Pengurus Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), berkata petani kini terpaksa berdepan risiko menuai di luar musim yang boleh menjelaskan hasil padi mereka berikutnya masih ada yang tidak menerima bekalan BPS.

Katanya, kejadian banjir juga akan menyebabkan ramai petani terpaksa sekali lagi menabur benih, sekali gus meningkatkan kos mereka.

Headline	Pesawah MADA masih dibelenggu isu benih padi		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	30	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	249 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,221
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,664



## Pesawah MADA masih dibelenggu isu benih padi

**JERLUN:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan perlu memastikan jumlah bekalan benih padi mencukupi setiap kali musim menabur terutama di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Othman Aziz berkata, sejak kebelakangan ini, kemeril bekalan benih padi menjadi masalah dalam kalangan pesawah menjelang musim menabur benih padi.

Katanya, kementerian itu sepatutnya menyediakan bekalan padi lebih awal kerana tarikh menabur benih padi telah ditetapkan terlebih dahulu.

"Tanaman padi di negara kita mempunyai rangkaian bermula dari persiapan tapak sehingga memproses menabur padi. Jika jadual yang disediakan itu tidak menepati masa,

sudah pasti pelbagai masalah akan timbul," katanya selepas merasmikan Program Jom Turun Bendang di Kampung Pida 8 Tebengau, Ayer Hitam di sini, semalam.

Othman berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan juga perlu menyemak semula pemilihan pembekalan benih padi dan pemantauan ladang-ladang benih supaya dapat menyediakan bekalan secukupnya kepada pesawah setiap kali menjelang musim menabur.

"Tanaman padi bukan aktiviti baharu di negara kita malah wujud sejak zaman nenek moyang kita. Bagaimanapun, masalah bekalan padi seperti yang dihadapi oleh petani hari ini tetap berlarutan dan belum ada sebarang penyelesaiannya," ujarnya.



**OTHMAN Aziz (depan, kiri) melepaskan ikan di dalam sawah ketika merasmikan Program Jom Turun Bendang di Kampung Pida 8 Tebengau, Ayer Hitam, Jerlun, Kedah. - UTUSAN/MOHD. RIFAAT ABD. HAMID**

# Cultivating urban farming for low-cost flats

**Community garden in Bandar Kinrara may be used as model for other areas**

BY VIJENTHI NAIR  
vijenthi@thestar.com.my

ENGGANG Flats in Bandar Kinrara, Puchong in Selangor, received a RM30,000 grant for its second urban farm.

Selangor housing, urban well-being and entrepreneurs development committee chairman Rodziah Ismail said the state farming department allocated RM20,000 while another RM10,000 was given under the Selangor Housing and Property Board (LPHS) strata garden grant.

"The apartment's first urban farm was one of the six that received RM140,000 each from the state, under PlanMalaysia@Selangor and LPHS sustainable development goal 2030 community garden grant.

"Now that the community wants to set up another farm, we want to encourage them," she said at the launch of the second farm.

Rodziah said she was drawn to Subang Jaya City Council's (MBSJ) idea of using the area as a model for low-cost flats to reach an urban sustainable development goal.

"The state is concerned about the challenges faced by people living in densely

populated areas. "These challenges may be unhealthy and lead to poor quality of life."

"Two main strategies that can improve their quality of life are to increase household income by having community garden programmes, and encourage social interactions within the community by providing a communal space."

"An urban garden not only reduces the cost of living but also doubles as a communal space," she added. Rodziah said the project would be a catalyst in improving the economy of the B40 citizens affected by the Covid-19 pandemic, on top of generating income for the flats' management body.

"I was informed that this would be an organic farm."

"In the present economy, it is suitable for the community to plant crops that are in demand and of high value, to ensure the return of capital."

"The success of the first urban garden is a testament that apartment residents in Selangor can also do well in agriculture," she said.



Green patches of plants thriving at Enggang Flats' first urban farm.



Rodziah (right) at the launch of Enggang Flats' second urban farm.

modern farming methods that can be learnt from the state farming department," she added.

Besides financial and social benefits, Rodziah said those who tended to the garden, especially the senior citizens, would benefit from keeping active.

"In London, 18% of its agricultural production is from urban horticulture."

"In Tokyo, 70,000 people take part in urban farming during their free time, to reduce the cost of living."

"I hope the community will continue to improve themselves in the field and explore